

13/08/1998

10,000 dijangka hadir perjumpaan

KOTA KINABALU, Rabu - Dianggarkan 10,000 orang akan hadir di Kompleks Sukan Likas Sabtu ini, untuk mendengar ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam majlis perjumpaan bersama rakyat anjuran Badan Perhubungan Umno Negeri.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Yahya Hussin, berkata majlis perjumpaan Perdana Menteri bersama rakyat itu adalah sebahagian aturcara lawatan rasmi Perdana Menteri ke Sabah.

"Kami menjangka sebahagian besar penduduk di sekitar ibu negeri dan daerah berdekatan akan hadir pada majlis itu untuk mendengar amanat penting Perdana Menteri kepada rakyat," katanya pada sidang akhbar di pejabat Badan Perhubungan Umno Negeri, di sini hari ini.

Yahya sehubungan itu menggesa orang ramai agar tidak melepaskan peluang untuk mendengar ucapan itu dengan datang lebih awal bagi mengelakkan sebarang kesesakan.

Katanya, majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas itu dijangka bermula jam 7.30 pagi dan berakhir jam 11 pagi.

(END)